



KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras 2, Blok B7
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03 8000 8000
Fax : 03 8888 3258
Portal Rasmi : www.cgso.gov.my

KPKK(R)600-1/1 JLD.2 (3)

31 Januari 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato' /Tuan/Puan.

LARANGAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT ATAU LAIN-LAIN PERALATAN KOMUNIKASI DALAM MESYUARAT KERAJAAN

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato' /Tuan/Puan semua sedia maklum, penggunaan telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi semakin berkembang dan menjadi satu keperluan semasa sebagai satu medium perhubungan yang pantas dan berkesan di Agensi Kerajaan. Namun begitu, penggunaan telefon bimbit dan peralatan komunikasi lain secara tidak terkawal dalam Agensi Kerajaan boleh mendatangkan implikasi buruk serta membahayakan keselamatan disamping boleh melanggar peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 sekiranya berlaku kebocoran atau kecurian maklumat.

3. Penggunaan yang meluas tanpa kawalan ini mempunyai implikasi dari aspek keselamatan kerana boleh berlaku penyalahgunaan seperti mengumpul, merakam, menyiar, menular atau menyampaikan

'KERAHSIAAN TERPELIHARA MENJAMIN KESELAMATAN NEGARA'



ISO 9001-0048595

maklumat Kerajaan kepada pihak lain tanpa kebenaran. Sehubungan itu, Jabatan perlu berhati-hati dalam membuat komunikasi rahsia rasmi melalui telefon bimbit atau peralatan komunikasi lain dengan mengawal dan mematuhi langkah-langkah keselamatan supaya penyampaian rahsia rasmi Kerajaan tidak terdedah kepada risiko kebocoran.

4. Berdasarkan kepada situasi masa kini, trend penyebaran atau kebocoran maklumat Kerajaan melalui telefon bimbit semakin membimbangkan. Sehubungan itu, kekhuatiran berhubung isu ini telah dibangkitkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui surat daripada Pengarah Cawangan Khas, PDRM Bukit Aman kepada YBhg. Datuk Seri Dr. Ketua Setiausaha Negara baru-baru ini.
5. Bagi tujuan kawalan, Ketua Jabatan hendaklah menentukan zon larangan penggunaan telefon bimbit atau peralatan komunikasi lain yang mampu merakam maklumat. Disamping itu, Ketua Jabatan juga hendaklah menetapkan kaedah penggunaannya bagi memastikan maklumat rahsia rasmi Kerajaan diberikan perlindungan secukupnya. Penentuan zon larangan ini termaktub dalam **Perenggan 130, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017)** dan perlu dipatuhi oleh semua Jabatan dan Agensi Kerajaan.
6. Keperluan penetapan zon atau tempat larangan ini perlu mengambil kira risiko-risiko kebocoran maklumat yang boleh dan mungkin berlaku dalam mesyuarat penting Kerajaan melibatkan keputusan dasar di peringkat Persekutuan atau Negeri. Sebagai contoh, Mesyuarat Jemaah Menteri, Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri, Mesyuarat Pasca Kabinet, Mesyuarat Lembaga Perolehan, Mesyuarat Belanjawan Negara dan lain-lain. Bersama ini, disertakan **Garis Panduan Larangan Penggunaan Telefon Bimbit Atau Lain-Lain Peralatan Komunikasi Dalam Mesyuarat Kerajaan** seperti di Lampiran A.
7. Oleh yang demikian, semua Ketua Jabatan hendaklah memastikan aspek kawalan dan had penggunaan telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi dikuatkuasakan ketika sesuatu mesyuarat sedang


berlangsung. Kegagalan mematuhi larangan yang dikuatkuasakan boleh mengakibatkan rahsia rasmi Kerajaan terdedah kepada ancaman kebocoran maklumat sehingga boleh menjelaskan imej pentadbiran Kerajaan dan amat dikhawatirkan akan mengancam keselamatan Negara.

8. Saya amat menghargai kerjasama dan perhatian semua Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan serta seluruh pegawai awam untuk memastikan langkah-langkah keselamatan perlindungan berhubung penetapan zon larangan dan had penggunaan telefon bimbit dan lain-lain peralatan komunikasi dalam mesyuarat Kerajaan dipatuhi sepenuhnya.

Sekian , terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(DCP DATO' SANUSI BIN SIDEK)

s.k.

- 1) **YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar**
Ketua Setiausaha Negara
Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

- 2) **YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali**
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Blok B8
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

3) YBhg. Dato' Junaidah binti Kamarruddin

Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Blok B8
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

LAMPIRAN A

GARIS PANDUAN LARANGAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT ATAU LAIN-LAIN PERALATAN KOMUNIKASI DALAM MESYUARAT KERAJAAN

1. Tujuan

Garis panduan ini dikeluarkan sebagai panduan kepada Ketua Jabatan untuk menyelaras ketetapan larangan penggunaan telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi dalam mesyuarat yang membincangkan perkara rahsia rasmi berisiko tinggi di sesebuah Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan. Larangan ini bertujuan mengekang dan menghalang sebarang penyalahgunaan sehingga boleh menjaskan imej Kerajaan melalui penularan atau penyebaran maklumat rahsia rasmi sebelum sesuatu keputusan rasmi dikeluarkan.

2. Penetapan Zon Larangan Dalam Mesyuarat Kerajaan

2.1 Ketua Jabatan hendaklah mengenalpasti mana-mana mesyuarat yang membincangkan perkara rahsia rasmi berisiko tinggi, dikuatkuasakan zon larangan dan had penggunaan telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi kepada ahli-ahli mesyuarat terbabit;

2.2 Sebagai panduan, antara mesyuarat berisiko tinggi adalah seperti berikut:-

- 2.2.1 Mesyuarat Jemaah Menteri;
- 2.2.2 Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri;
- 2.2.3 Mesyuarat berkaitan keselamatan Negara, pertahanan dan perhubungan antarabangsa yang memberi impak tinggi kepada pembuat keputusan Kerajaan;
- 2.2.4 Mesyuarat pengurusan tertinggi sesuatu Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan;
- 2.2.5 Mesyuarat Lembaga Perolehan Tender/Sebut Harga;
- 2.2.6 Mesyuarat sesuatu Operasi Penguatkuasaan; dan
- 2.2.7 Mana-mana mesyuarat lain yang penting dan boleh menjaskankan kelancaran fungsi pentadbiran kerajaan sekiranya maklumat didedahkan tanpa kebenaran;

3. Keperluan Bagi Menguatkuasakan Zon Larangan

3.1 Ketua Jabatan perlu mempertimbangkan mesyuarat-mesyuarat yang dikenalpasti membincangkan perkara rahsia rasmi berisiko tinggi seperti yang dinyatakan di para 2.2 di atas. Pertimbangan tersebut adalah mengambil kira risiko sekiranya sesuatu maklumat rahsia rasmi didedahkan melalui telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi sebelum keputusan mesyuarat dikeluarkan secara rasmi.

3.2 Adalah wajar peringatan berkaitan larangan penggunaan telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi dimaklumkan juga dalam surat jemputan mesyuarat. Peringatan tersebut selaras dengan peruntukan di perenggan 130, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) bagi memastikan maklumat rahsia rasmi diberi perlindungan sewajarnya.

3.3 Penetapan zon larangan penggunaan telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi hendaklah dipamerkan melalui Notis Larangan di dalam bilik mesyuarat tersebut.

3.4 Sebelum sesuatu mesyuarat bermula, peringatan berhubung larangan penggunaan telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi hendaklah dimaklumkan secara lisan oleh Pengerusi Mesyuarat kepada ahli-ahli mesyuarat terlibat.

4. Notis Larangan

4.1 Semua notis larangan penggunaan telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi di dalam bilik mesyuarat diselaraskan secara seragam seperti berikut:-

- 4.1.1 Saiz notis sekurang-kurangnya mempunyai saiz minimum bersaiz A3;
- 4.1.2 Notis hendaklah ditampal atau dipamer di tempat yang sesuai dan mudah dilihat; dan
- 4.1.3 Perihal notis larangan hendaklah mempunyai latar

belakang berwarna putih dan **bulatan tebal serta tanda palang tebal berwarna merah**. Notis larangan mengandungi perkataan “**DILARANG MENGGUNAKAN TELEFON BIMBIT DAN ALAT KOMUNIKASI LAIN**” dengan berwarna hitam dari jenis huruf Arial.

4.2 Jabatan boleh mencetak sendiri Notis Larangan berdasarkan kepada ciri-ciri standard seperti di perenggan 4.1 di atas dan **contoh Notis Larangan yang dilampirkan bersama**.

4.3 Garis Panduan ini memberi maksud “lain-lain peralatan-peralatan komunikasi” termasuklah:-

4.3.1 Selain dari telefon bimbit, apa-apa peralatan komunikasi yang berupaya untuk berkomunikasi, merakam sama ada dalam bentuk audio atau video, mengambil gambar (capture), menyimpan dan menyebar sesuatu maklumat rahsia rasmi; dan

4.3.2 Antara contoh peralatan komunikasi yang dimaksudkan adalah seperti jam pintar (smart watch), pen pintar (smart pen), kamera, perakam suara, perakam video, tablet dan seumpamanya.

5. Syor Bagi Kawalan dan Pemantauan Larangan

5.1 Apabila telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi dibawa masuk ke bilik mesyuarat, maka setiap ahli mesyuarat hendaklah mematuhi peraturan larangan melalui notis larangan yang dipamerkan di dalam bilik mesyuarat tersebut.

5.2 Pengerusi atau Urusetia mesyuarat mempunyai tanggungjawab untuk mengawal dan memantau sebarang aktiviti mencurigakan melibatkan penggunaan telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi semasa mesyuarat sedang berlangsung.

5.3 Bagi membolehkan kawalan dan pemantauan ke atas setiap telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi yang dibawa masuk ke dalam bilik mesyuarat dilaksanakan, maka pengerusi atau urusetia mesyuarat boleh mengambil tindakan seperti berikut:-

5.3.1 Memberi peringatan larangan;

5.3.2 Memaklumkan supaya semua telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi berada dalam mod senyap;

5.3.3 Memaklumkan kepada ahli mesyuarat untuk meletakkan telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi di atas meja;

5.3.4 Memberhentikan mesyuarat seketika jika perlu sekiranya terdapat ahli mesyuarat yang menggunakan telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi ICT;

5.3.5 Mencatat nama mana-mana ahli mesyuarat yang menggunakan telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi ketika mesyuarat sedang berlangsung; dan

5.3.6 Mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan budi bicara pengurus sekiranya terdapat ahli mesyuarat yang gagal mematuhi larangan tersebut.

6. Pematuhan Larangan

6.1 Semua ahli mesyuarat adalah tertakluk kepada larangan dan had penggunaan telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi ICT semasa mesyuarat sedang berlangsung di zon larangan yang dikuatkuasakan melalui notis larangan.

6.2 Ketua Jabatan adalah mempunyai kuasa sepenuhnya ke atas larangan yang dikuatkuasakan ini. Sekiranya terdapat pegawai atau kakitangan serta ahli-ahli mesyuarat gagal untuk mematuhi larangan tersebut, tindakan sewajarnya hendaklah diambil. Jika terdapat bukti bahawa kesalahan tersebut bertentangan dengan Akta Rahsia Rasmi 1972, maka Ketua Jabatan hendaklah membuat laporan Polis di Balai Polis terdekat dan melaporkan secara bertulis kepada:-

**Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras -1, 1 & 2, Blok B7
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA**

7. Penutup

Garis panduan ini disediakan untuk makluman dan tindakan oleh semua Ketua-Ketua Jabatan bagi menetapkan zon larangan dan had penggunaan telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi dalam mesyuarat Kerajaan berisiko tinggi bagi memberi perlindungan kepada maklumat rahsia rasmi daripada didedahkan tanpa kebenaran.



**DILARANG
MENGGUNAKAN TELEFON
BIMBIT DAN ALAT
KOMUNIKASI LAIN**